

## **KENYATAAN AKHBAR**

*untuk siaran segera*

### **BANK MUAMALAT, AMANAHRAYA LANCAR KAD KREDIT JENAMA BERSAMA, GALAK PERANCANGAN HARTA**

#### ***Kad Kredit Patuh Syariah Pertama di Malaysia yang Memperkasakan Pengurusan Kewangan bagi Pemilik Harta***

**KUALA LUMPUR**, 12 Disember 2024 - Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) dan Amanah Raya Berhad (AmanahRaya) hari ini melancarkan **Kad Kredit-i Visa Platinum Jenama Bersama Bank Muamalat dan AmanahRaya**. Kad kredit patuh syariah ini direka khas bagi menawarkan perkhidmatan kewangan komprehensif untuk menggalakkan pemegang kad kredit tersebut memulakan perancangan harta bagi memelihara masa hadapan mereka nanti.

Melalui kerjasama strategik dua entiti tersebut, kad kredit inovatif yang dilancarkan membolehkan pelanggan dan bakal pelanggan AmanahRaya mendapatkan khidmat mereka dengan pembayaran ansuran menggunakan kad kredit di samping menikmati pelbagai keistimewaan lain.

Kad kredit inovatif ini menawarkan pelbagai manfaat yang disesuaikan bagi menyokong pemilik harta, ia termasuk pengecualian yuran tahunan tahun pertama, rebat tunai sebanyak 0.5 peratus, pelan pemindahan baki, perlindungan Takaful percuma pada baki tertunggak kad kredit-i dan perlindungan Takaful Percuma bagi kemalangan perjalanan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat, Khairul Kamarudin, menegaskan bahawa inisiatif ini adalah sebahagian daripada misi bank untuk membina ekosistem kewangan yang lestari. 'Kad kredit-i ini mencerminkan komitmen kami untuk menawarkan produk perbankan patuh Syariah yang mudah diakses dan mampu memperkasakan individu dalam mengurus aset mereka secara bertanggungjawab. Melalui kerjasama dengan AmanahRaya ini, kami menyediakan instrumen kepada pemilik harta yang membolehkan perancangan kewangan jangka panjang, menyokong komuniti dalam membina kehidupan lebih baik, bersama,' katanya.

'Dengan menyediakan kemudahan kredit untuk melaksanakan Perancangan Pewarisan melalui AmanahRaya, kami berharap lebih ramai individu tampil melibatkan diri dalam perancangan harta pusaka, sekali gus mengurangkan kesulitan pengurusan pusaka dan memupuk kestabilan ekonomi. Kami menyedari bahawa pengurusan harta yang betul boleh meminimumkan cabaran ekonomi, perundangan dan sosial, serta kami berharap dapat membantu lebih ramai rakyat Malaysia untuk mengambil langkah proaktif dalam merancang untuk generasi akan datang,' tambah Khairul.

Sementara itu, Pengarah Urusan Kumpulan Amanah Raya, Ahmad Feizal Sulaiman Khan dalam ucapannya berkata, Sebagai peneraju utama dalam industri Perancangan Pewarisan di Malaysia, AmanahRaya sentiasa memainkan peranan penting dalam menyokong dan merealisasikan aspirasi ini menerusi perkhidmatan yang kami tawarkan kepada masyarakat. Perkhidmatan Perancangan Pewarisan bukan sahaja memenuhi keperluan kewangan

pelanggan, malah memberikan mereka ketenangan fikiran dengan perancangan awal kerana harta mereka bakal diuruskan oleh AmanahRaya.

Sebagai contoh, perkhidmatan Penulisan Wasiat kami membantu masyarakat merancang agihan harta mereka dengan sistematik dan adil, sejajar dengan prinsip keadilan sosial yang ditekankan dalam konsep Malaysia Madani. Ini membuktikan bahawa AmanahRaya turut menyokong pembentukan masyarakat yang harmoni dan sejahtera, bukan sekadar menawarkan produk untuk keuntungan semata-mata.

Untuk maklumat lanjut mengenai Kad Kredit-i Visa Platinum Jenama Bersama Bank Muamalat dan AmanahRaya, sila layari laman sesawang Bank Muamalat di [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my) atau kunjungi cawangan Bank Muamalat terdekat. Pelanggan juga boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan Bank Muamalat di 03-2600 5500 untuk maklumat lanjut.

## TAMAT

### Mengenai Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat)

Bank Muamalat adalah perbankan Islam terkemuka yang komited untuk menyediakan "Kehidupan Lebih Baik, Bersama" dengan penyelesaian kewangan yang inovatif sejajar dengan prinsip Syariah. Dengan dedikasi untuk mencipta perubahan positif dalam industri kewangan dan fokus yang kukuh kepada kepuasan pelanggan, Bank Muamalat menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang disesuaikan untuk individu, perniagaan dan institusi.

Sebarang pertanyaan media berkaitan **Bank Muamalat**, sila hubungi:

Mohd Nazrul Hafizi | [mohd.nazrul.hafizi@muamalat.com.my](mailto:mohd.nazrul.hafizi@muamalat.com.my) | +6017 921 1384

Hawa Ali | [siti.norhawa@muamalat.com.my](mailto:siti.norhawa@muamalat.com.my) | +6019 239 2077

### Mengenai AMANAH RAYA BERHAD

Amanah Raya Berhad (AmanahRaya) merupakan syarikat milik penuh kerajaan yang dahulunya dikenali sebagai Jabatan Pemegang Amanah Raya dan Pegawai Pentadbir Pusaka yang telah ditubuhkan sejak tahun 1921. AmanahRaya merupakan sebuah syarikat Pemegang Amanah utama di Malaysia yang telah dikorporatkan pada tahun 1995, melalui Akta Perbadanan Amanah Raya 1995.

AmanahRaya menyediakan Perkhidmatan Wasiat, Pentadbiran Pusaka dan Pengurusan Peramanahan. Di samping itu, AmanahRaya melalui anak-anak syarikatnya menawarkan Peramanahan Korporat, Pengurusan Aset dan Dana Pelaburan Harta Tanah.

Untuk keterangan lanjut mengenai perkhidmatan kami, sila layari laman sesawang AmanahRaya di [www.amanahraya.my](http://www.amanahraya.my).

Untuk keterangan, sila hubungi:

Siti Azura Shamsuddin  
Ketua  
Jabatan Komunikasi Kumpulan  
Tel: 03-2055 7361  
Email: [sitiazura@arb.com.my](mailto:sitiazura@arb.com.my)

Halimatul Saadiah Abu Kusan  
Penolong Pengurus  
Jabatan Komunikasi Kumpulan  
Tel: 03-2055 7375  
Email: [halimatulsaadiah@arb.com.my](mailto:halimatulsaadiah@arb.com.my)